

EDISI 2023

Buletin FKA

Pengajian Kejuruteraan Awam

Universiti Teknologi MARA Cawangan Pulau Pinang



UNIVERSITI
TEKNOLOGI
MARA

eISSN 2716-6325



9 772716 632004

Diterbitkan pada 15 Oktober 2024

Audit Dalam : Jaminan Kualiti Akreditasi Program Akademik

*Masyitah Md Nujid, Syahrul Fithry Senin, Mohd Sofian Abdullah, Satira Hambali,
Kamsiah Abdul Wahab, Tey Li Sian, Ng Wen Kuan, Faizah Kamarudin,
Raja Nor Husna Raja Mohd Noor*

Menurut laman sesawang (<https://internalaudit.utm.my>), audit dalam berfungsi untuk menambahbaik operasi dan pengurusan fungsi sesebuah unit atau organisasi. Unit Audit program ijazah CEEC221 di Pengajian Kejuruteraan Awam, UiTM Pulau Pinang (PKA UiTM CPP) berfungsi menguruskan semakan fail kursus ijazah CEEC221 dan menjalankan audit sendiri mengikut senarai semak yang digunakan di peringkat kampus.

Audit dalam dilaksanakan sekurang-kurangnya dua kali setahun bagi setiap semester berakhir. Audit dalam bertujuan untuk memastikan pelaksanaan program akademik mengikut garis panduan yang dikeluarkan oleh badan akreditasi iaitu Majlis Akreditasi Kejuruteraan Malaysia (Engineering Accreditation Council Malaysia, EAC) di bawah Lembaga Jurutera Malaysia (Board of Engineers Malaysia, BEM) juga kementerian pengajian tinggi seperti di Malaysia melalui Agensi Kelayakan Malaysia (Malaysian Qualifications Agency, MQA). Ia merupakan jaminan kualiti akademik yang ditawarkan oleh universiti kepada para pelajar untuk kemenjadian insaniah bakal graduan.

Audit dalam telah dijalankan secara bersemuka pada semester Okt 22 – Feb 23 (2022/23) bermula dari 8 – 17 Mac 2023. Manakala audit dalam secara maya bagi semester Mac 23 – Jul 23 (2023/24) bermula pada 28 Ogos 2023 sehingga 15 September 2023. Sebanyak 33 kursus telah diaudit bagi kedua-dua semester tersebut. Juruaudit menjalankan audit dalam ke atas 33 item terperinci dengan 10 item senarai semak Fail Kursus seperti yang telah diputuskan oleh pengurusan tertinggi pusat pengajian akademik. Audit dalam pada semester 2023/24 lebih mengfokuskan kepada pelaksanaan Permasalahan Kejuruteraan Kompleks (Complex Engineering Problem, CEP) bagi kesemua kursus program pengajian yang ditawarkan sepanjang empat tahun pengajian di PKA UiTM CPP. Hasil dapatan audit dalam mendapati 91% daripada

33 kursus yang diaudit mematuhi senarai semak Fail Kursus (100% pematuhan) yang dikeluarkan oleh pusat pengajian.

Antara punca dan faktor kepada isu ini adalah ketiadaan keseragaman penggunaan templat jadual spesifikasi soalan bagi setiap penilaian berterusan kursus seperti projek, ujian dan kuiz. Selain itu, masih terdapat kursus yang tidak melaksanakan CEP dan tidak mengikut prosedur yang dikeluarkan oleh pusat pengajian. Oleh itu, penambahbaikan dicadangkan dengan mewujudkan templat seragam jadual spesifikasi soalan bagi semua kursus dan mengikut prosedur yang telah digariskan oleh pusat pengajian bagi pelaksanaan CEP.

Fail Kursus bukanlah tanggungjawab sepenuhnya ke atas Penyelaras Kursus (*Course Coordinator*) yang dilantik pada semester tersebut tetapi adalah tanggungjawab bersama Pensyarah Sumber (*Resource Person*) dan pensyarah yang mengajar bersama (*team-teaching*) kursus tersebut pada semester itu. Penglibatan RP (sama ada mengajar atau tidak mengajar kursus tersebut pada semester semasa) dalam penyediaan Fail Kursus membantu melancarkan perjalanan kursus yang telah dirancang di awal semester juga proses audit yang dijalankan.

Secara kesimpulan, audit bukanlah mencari salah mana-mana pihak dalam melaksanakan tugas hakiki seorang pensyarah dalam menyediakan fail meja iaitu Fail Kursus, tetapi memastikan semakan Fail Kursus mematuhi senarai semak yang dikeluarkan oleh pusat pengajian melalui pelaksanaan yang ditetapkan mengikut garis panduan yang diberikan oleh badan akreditasi program akademik. Pengurusan pusat pengajian boleh menambahbaik urus tadbir bagi menjamin graduan yang terhasil adalah berkualiti seiring kehendak negara dan dunia melalui hasil dapatan audit dalam.